



"Suara Brunei" memancar dari gelombang pendek 61 meter

MENTERI BESAR ISHTIHARKAN

D. Y. M. M.
AL-SULTAN
KELILINGI
DUNIA

LONDON.—Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan Brunei sekarang ini telah kembali di-London sa-lepas melawat ka-negeri2 di-Eropah sa-lama saminggu.

Juruchakap baginda memberitahu Reuter, negeri2 yang telah di-lawati baginda termasuklah negeri2 German, Vienna, Salsburg, Cologne dan Bonn.

TERUSKAN LAWATAN

Baginda ada-lah dalam percutian-nya di-London dan perjalanan-nya mengelilingi dunia sa-lama dua bulan.

Juruchakap itu juga memberitahu bahawa baginda akan meneruskan lawatan ka-Amerika Sharikat, Canada dan dari mana nanti baginda akan berangkat pergi ka-Australia, Fiji dan Honolulu.

Baginda dan rombongan telah berangkat meninggalkan Brunei pada 9 April lepas dan di-jangka akan kembali tiba di-Brunei awal bulan depan.

SELAMAT
TAHUN
BAHARU
1384

Pelita Brunei mengambil peluang mengucapkan Selamat Tahun Baharu Hijrah, 1 Muharram, 1384 kepada seluruh pembacha dan khas-nya kepada seluruh umat Islam.

YANG Amat Berhormat Menteri Besar, Dato Seri Paduka Marsal bin Maun telah mengishtiharkan pemancaran Radio Brunei melalui gelombang pendek 61 meter atau 4865 kilocycle sa-lain dari pemancarannya melalui gelombang2 sederhana yang telah sedia itu.

Pengishtiharan tersebut telah di-buat oleh Yang Amat Berhormat itu melalui Radio Brunei dalam ketiga2 ranchangan — Melayu, Inggeris dan China — malam tadi.

Dengan pemancaran melalui gelombang baharu itu peminat2 dan pendengar2 Radio Brunei di-seluruh dunia akan dapat mendengar siaran2 Radio Brunei melalui gelombang sederhana 242 meter dan 309 meter dan gelombang pendek 61 meter.

Uchapan pengishtiharan Menteri Besar itu sa-penoh-nya adalah seperti berikut:

Pada malam ini sa-tapak lagi Radio Brunei melangkah kahadapan dalam usaha-nya memberi perkhidmatan sesuai dengan perkhidmatan negara, kerana dari malam ini ranchangan2-nya akan dapat di-dengar bukan sahaja di-dalam negeri bahkan juga di-negeri2 seluruh dunia.

TUGAS PENYIARAN

Kemajuan dalam perkhidmatan perchobaan yang di-lancarkan pada 2 Mei, 1957 kepada suatu perkhidmatan gelombang pendek 61 meter atau 4865 kilocycle, dengan rasmi-nya di-gunakan malam ini.

Gelombang pendek ini bukanlah bererti gelombang2 sederhana 242 meter dan 309 meter itu di-hapuskan. Tetapi ada-lah tambahan kepada gelombang2 itu supaya "suara" Brunei dapat di-dengar di-negeri2 sa-berang laut.

Sa-bagaimana tuan2 sedia ma'alum tugas sa-suatu perkhidmatan penyiaran bukan-lah samata2 untuk memberi hiburan kepada pendengar2-nya.

Kewajipan-nya yang penting sa-kali ia-lah untuk menghebahkan perbuatan2 kerajaan mengenai dasar, ranchangan2 perkembangan negara, memberi panduan dan menghebahkan titah perintah Duli Yang

BANDAR BRUNEI, 4 Mei.

Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Perkara2 mengenai pembesar2 negara ada-lah juga di-beri keutamaan dalam siaran terutamanya jika perkara2 itu bersangkutan dengan kebajikan orang ramai.

Perkara2 yang tersebut tadi hanya dapat di-dengar oleh penggemar2 Radio Brunei melalui gelombang 61 meter dari jam 4 petang hingga siaran di-tamatkan pada jam 10.30 malam.

Apabila selesai usaha melengkapkan suatu gelombang pendek yang lain untuk di-gunakan pada sa-belah pagi, maka baharu-lah pendengar2 di-seberang laut dapat mendengar ranchangan2 yang di-siarkan pada sa-belah pagi yang mulai memancar pada jam 7.00 itu.

Gelombang pendek 61 meter ini sa-benar-nya telah di-choba sejak pertengahan bulan Mach yang lalu dan di-tetapkan pema-



DATO SERI PADUKA MARSAI

kaian-nya sa-telah laporan2 tentang kekuatan-nya di-terima dari beberapa tempat di-dunia yang di-hantar oleh penggemar2 radio.

Laporan2 dari Malaya, Singapura, Sabah, Sarawak, Jepun dan Amerika Sharikat kesemuanya mengatakan ranchangan melalui gelombang pendek yang kita gunakan itu jelas di-dengar di-negeri2 tersebut.

Dengan ada-nya gelombang pendek ini bukan-lah berma'ana ranchangan2 melalui gelombang2 sederhana khas untuk pendengar2 dalam negeri itu berlainan. Ranchangan bagi kedua2 jenis gelombang itu ada-lah sama.

S. U. K. Ishtiharkan Sokan Peringkat Negeri

BANDAR BRUNEI. — Setia Usaha Kerajaan Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim di-jangka akan merasmikan pembukaian sokan bagi sekolah2 Melayu peringkat negeri yang akan berlangsung di-Padang Besar, Bandar Brunei pada hari Sabtu, 9 Mei, jam 1.30 petang.

Sa-lepas perishtiharan istiadat melarikan bendera johan sokan negeri Brunei yang akan di-rebutkan pun di-lakukan dan kemudian di-serahkan kepada Pegawai Pelajaran Negara, yang akan menyampaikannya nanti kepada guru pengawas pasokan.

Sa-telah ikrar sokan di-bachakan, maka upacara menerima tabek kehormatan yang akan di-terima oleh Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan di-lakukan.

Sokan akan mulai berjalan pada jam 2.00 petang.

Peserta2 dalam semua bahagian sokan dari longgok2 sekolah bagi semua daerah seluruh Brunei akan menunjukkan kehandalan masing2 untuk merebut kemenangan.

Hadih2 kepada yang berjaya di-jadualkan akan di-sampaikan oleh isteri Timbalan Menteri Besar, Datin Hajjah Noriah binte Mohammad Daud.

LEBEH 100 ORANG DAFTARKAN UNTOK "RENTAS DESA"

BANDAR BRUNEI. — Kira2 100 orang, kebanyakan-nya dari Daerah Brunei, telah mendaftarkan nama untok menyertai lomba rentas desa yang akan di-adakan di-Bandar Brunei pada 12 Mei akan datang.

Pendaftaran nama masah lagi di-buka dan akan di-tutup pada jam 4.00 petang 9 Mei.

Lomba tersebut telah di-bahagi kepada lima peringkat—kanak2 (15 tahun ka-bawah), pemuda, (antara 15 dan 35 tahun), orang tua lelaki (35 tahun ka-atas), bahagian perempuan, dan pasokan (mengandongi enam orang satu pasokan).

Jalan2 yang akan di-rentasi oleh pelomba2 bahagian pemuda, orang tua, dan pasokan—berlepas dari Padang Besar Bandar

Wakil2 Brunei Di-Kongres Belia

BANDAR BRUNEI. — Dewan Belia Antara Bangsa bahagian Brunei telah menghantar empat orang ahli2-nya untok menyertai dalam Kongress Belia Antara Bangsa yang telah di-adakan di-Pulau Pinang minggu lepas.

Kongress yang di-buka dengan rasmi-nya oleh Gobnor Pulau Pinang, Raja Tun Uda Al-Haj pada 28 April itu telah mengambil jangkawaktu hingga 2 Mei lepas.

Lebeh, dari 150 orang para wakil dari beberapa buah negeri anggota termasuk Pakistan, Jepun, New Zealand, Vietnam Selatan, Brunei, dan Hongkong telah menyertai kongres tersebut.

Wakil2 dari Brunei ia-lah — Awang Zain Ariff, Awang Ong Kim Kee, Awang Patrick Sim Song Juay, dan Awang P. Raja.

Perlawanan Sokan Longgok Jalan Tutong

JERUDONG. — Dalam perlawanan sokan antara sekolah2 Melayu Jalan Tutong, Brunei II yang telah di-adakan di-padang Sekolah Melayu Jerudong pada 28 April lepas, Sekolah Melayu Sengkurong telah berjaya menyangandikan gelaran johan dengan mendapat markah sa-banyak 191 mata.

Naib johan telah di-sandang oleh Sekolah Melayu Bandahara Sakam dengan mendapat markah sa-banyak 190 mata.

Enam buah sekolah2 dalam longgok tersebut ia-lah sekolah2 Melayu Sengkurong, Orang Kaya Setia Bakti (Kilanas), Bendahara Sakam (Bunut), Katimahar (Batu 13), Jerudong dan Sekolah Melayu Bengkurong

Brunei melalu Jalan Sultan, menyimpang ka-Jalan Berakas menyimpang ka-Jalan Gadong, menyimpang ka-Jalan Kiulap melimpasi Sekolah Melayu Gadong, dan terus melimpasi Kampong Kiulap menuju ka-Jalan Besar (Jalan Tutong). Dari sini terus balek ka-tempat permulaan di-Padang Besar Bandar Brunei.

Bagi pelomba2 kanak2 dan perempuan berlepas di-kawasan Sekolah Melayu Gadong dengan memakai Jalan Kiulap terus ka-Padang Besar Bandar Brunei.

Sayugia di-ingatkan ia-itu bayaran pendaftaran untok menyertai dalam perlombaan tersebut

ia-lah \$1.00 bagi tiap2 peserta dan \$5.00 bagi tiap2 pasokan.

Sa-orang pegawai dari Persatuan Belia Bandar Brunei memberi tahu Pelita Brunei hadiah2 untok pemenang2 sudah pun ada di-terima dari dermawan2 tempatan, dan berharap akan lagi menerima-nya untok melengkapai maksud sa-benar-nya.

Para dermawan yang ingin hendak mendermakan sa-barang hadiah boleh-lah berhubung terus kepada Yang Dipertua P.B.B.B. Awang Yahya bin M. Yusof di-Jabatan Imigresen, Bandar Brunei.

Sa-siapa yang telah mendaftarkan nama untok mengambil bahagian dalam perlombaan ini ada-lah di-minta supaya berkumpul di-Padang Besar, Bandar Brunei pada 12 Mei itu tidak lewat dari jam 3.00 petang.

10 ORANG PENUNTUT2 BAHARU

BERAKAS. — Sa-ramai 10 orang penuntut perempuan telan berlepas dengan kapal terbang menuju ka-Malaya untok melanjutkan pelajaran mereka di-Maktab Puteri Tengku Ampuan Mariam, Johore, pada 20 April lepas.

Dengan jumlah itu penuntut2 Brunei telah di-hantar oleh Kerajaan untok melanjutkan pelajaran mereka di-maktab tersebut ia-lah 20 orang.

Rombongan pertama yang di-hantar dalam tahun 1963 diberitakan telah mendapat kejayaan yang chemerlang dalam pereksaan akhir tahun lepas.

Nazir Kanan Sekolah2 Melayu Negeri Brunei, Awang Hashim bin Haji Tahir, yang menemani penuntut2 itu sa-belum bertolak telah menyatakan bahawa pelajar2 perempuan tersebut ia-lah pilihan dari seluroh sekolah2 Melayu di-negeri ini.

Mereka ada-lah terdiri tujuh orang dari Sekolah Melayu Sultan Mohammad Jamalul Alam, Bandar Brunei, satu orang dari Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong dan dua orang dari Sekolah Melayu Sengkurong.

Mereka kesemua-nya beragama Islam, dan berumur antara 12 dan 15 tahun.

Di-maktab tersebut mereka akan mengikuti Pelajaran2 Melayu, Inggeris dan Arab, kata Awang Hashim.

Pelajaran yang di-mustahak kata-nya, ia-lah Pelajaran Uga-ma Islam.

Pelajar2 puteri itu akan menuntut di-maktab tersebut sa-hingga tingkatan sijil sa-berang laut (Senior Cambridge) dan bagi mereka yang chekap ada kemungkinan boleh melanjutkan sa-hingga ka-Universiti.

Penuntut2 tersebut ia-lah:

Maisalamah binte Jali, Fatimah binte Mudin Haji Bakar Siti Hawa binte Haji Tuah, Dayang Rusmi bte. A. Jambol, Asiah binte Md. Siraj, Jamaliah binte Badar, Musnah binte Talib, Zainab binte H. Muhammad,

PERLAWANAN SOKAN SEKOLAH2 JALAN MUARA

BERAKAS. — Pasokan sekolah Melayu Sultan Umar Ali Saifuddin, Muara, telah berjaya merebut gelaran Johan dalam perlawanan sukan sekolah2 Melayu Jalan Muara, Brunei II yang telah di-langsungkan di-padang Maktab Perguruan Melayu Berakas pada 21 April lepas.

Naib Johan dalam perlawanan itu ia-lah Pasokan Sekolah Melayu Delima Satu Berakas dan pemenang yang ketiga ia-lah Pasokan Sekolah Melayu Sungai Hanching.

Sa-banyak 10 buah sekolah2 Melayu di-sapanjang Jalan Muara termasuk Sekolah Melayu Amar Pahlawan, Burong Pingat Baru Berakas, dan Sekolah Melayu Gadong telah mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut.

Sa-banyak 51 jenis permainan telah di-pertandingan.

Johan dalam perlawanan itu mendapat 102 mata dan naib Johan mendapat 94 mata.

Maimunah binte Kula, Aminah binte Hitam.

Di-lapangan terbang mereka te'ah di-hantar oleh para ibu bapa, sanak saudara dan sahabat handai.



Murid kecil (Dayang bin Jair dari Sekolah Melayu Sungai Hanching) di-atas telah jauh meninggalkan rakan2-nya dalam lomba lari satu batu, dengan menghabiskan masa sa-lama 6 minit 18.4 sa'at. Dayang telah juga mendapat tempat pertama dalam lomba 880 ela dengan masa-nya sa-lama 3 minit 6.3 sa'at.



Dalam lomba lari rentas desa bagi sekolah2 Melayu seluroh negeri dalam bahagian B yang telah di-adakan bulan lepas di-Padang Tongkadeh, Bandar Brunei, Johari Abu Bakar telah berjaya mendapat gelaran Johan. Yang Berhormat Pengiran Bahar bin Pengiran Shabbandar (Atas) kelihatan sedang menyampaikan hadiah.

PENDAFTARAN BAKAL2 HAJI TAHUN HADAPAN

BANDAR BRUNEI.—Pendaftaran nama2 bagi umat Islam di seluruh Negeri Brunei yang hendak menunaikan Fardhu haji dalam Oktober, 1964.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei dalam satu surat keliling jabatan-nya berkata, perlu-nya pendaftaran itu di-lancarkan pada masa ini ia-lah untuk menentukan anggaran jumlah bakal2 jema'ah haji Brunei tahun 1965 supaya jadual2 pelayaran kapal dapat di-ator dengan lincin.

Beliau menyeru seluruh umat Islam yang hendak menunaikan fardhu haji tahun hadapan supaya datang ka-Pejabat Hal-Ehwal Ugama Brunei untuk mendaftarkan nama mulai dari sekarang.

Borang2 permohonan kerana itu sa-lain dari di-dapati Pejabat Hal-Ehwal Ugama Brunei boleh juga di-dapati dari Pejabat2 Pegawai Daerah dan di-Pejabat2 Kadhi di seluruh negeri.

Sharat2 penting dalam surat permohonan itu ia-lah :

- ★ Tiap2 permohonan untuk di-hantar ka-pejabat2 yang di-sebutkan hendaklah di-tanda tangani atau pun dengan chap jari kanan pemohon.
- ★ Permohonan hendaklah juga di-seriai dengan 2 keping gambar pemohon, sa-keping daripada-nya hendaklah sedia di-lekatkan pada tempat yang di-khaskan di-sabelah kiri borang permohonan itu; dan
- ★ Permohonan2 hendaklah beserta dengan satu surat sehat (Medical Certificate of Fitness) daripada tabib

yang bertauliah yang memberikan akuan bahawa dia sehat untuk menunaikan fardhu haji. Borang surat sehat itu juga boleh di-dapati dari Jabatan Hal-Ehwal Ugama,

Sokan Untuk Memilih Wakil Ka-Peraduan Negeri

BANDAR BRUNEI.—Perlawan sokan bagi sekolah2 dalam bahagian Brunei II dan Brunei I telah di-adakan dua hari berturut2 di-Padang Besar di-sini pada 2 dan 3 Mei.

Sokan bagi Brunei II yang terdiri dari 26 buah sekolah2 Melayu dari longgok2 Muara, Jalan Tutong, Kuala Sungai, dan Ulu Sungai Brunei telah di-langsungkan pada hari pertama, manakala sokan bagi sekolah2 dalam bahagian Brunei I telah di-adakan pada hari kedua-nya.

Lima buah sekolah2 dalam bahagian Brunei I itu ia-lah Sekolah2 Melayu SMJA, RIF, Sungai Kebun, Pintu Malim, dan Sekolah Melayu Laila Menchanai (SMLM).

Dalam bahagian Brunei II sekolah2 longgok Jalan Muara telah berjaya menyandang gelaran johan dengan markah-nya mendapat 135 mata.

Naib johan jatch kepada sekolah2 longgok Jalan Tutong dengan mendapat 109 mata, dan ketiga sekolah longgok Ulu Sungai Brunei dengan markah-nya 102 mata. Sekolah2 longgok Kuala Sungai Brunei telah mendapat sa-banyak 32 mata.

Brunei, Pejabat Pegawai Daerah dan Pejabat2 Kadhi.

Borang2 permohonan yang tidak terkandung sharat2 tersebut tidak akan di-layanan.

Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Brunei juga menasehatkan kepada Pegawai2 Kerajaan yang hendak menunaikan fardhu haji dengan permohonan tambahan perchuma daripada Kerajaan hendaklah berurusan dengan Setia Usaha Kerajaan Brunei mulai dari sekarang.

LAWATAN BADAN PENERANGAN UGAMA

BANDAR BRUNEI.—Badan Penerangan Ugama Islam Negeri Brunei akan mengadakan lawatan dan memberikan sharahan2 ka-Kampong2 pada tarikh dan tempat2 seperti berikut.

◆ 8 Mei, 1964: di-Kampong Saba Ujong, Brunei, mulai pukul 2.00 hingga 4.00 petang, dan di-Masjid Kiudang, Tutong mulai pukul 11.00 hingga 12.30 tengah hari.

◆ 15 Mei, 1964: Di-Masjid Batu Apoi, Temburong dan di-Masjid Layong, Tutong mulai pukul 11.00 hingga 12.30 tengah hari.

◆ 22 Mei, 1964: di-Masjid Pangkalan Batu, Brunei mulai pukul 11.00 hingga 12.30 tengah hari dan dari pukul 2.00 hingga 4.00 petang di-Kampong Saba Darat, Brunei; dan

◆ 29 Mei, 1964: di-Masjid Kariam, Tutong dan di-Masjid Sungai Ubar, Belait mulai pukul 11.00 hingga 12.30 tengah hari.

Kapada pendudok2 di-kampong tersebut lelaki dan perempuan ada-lah di-harapkan supaya bersama2 hadir mendengar akan sharahan2 Ugama Islam yang maha suci bagi kebajikan anak2 dan chuchu2 kita juga.

PERTANDINGAN BOLA SEPAK BAGI JABATAN2 KERAJAAN

Jadual Pertandingan Bola Sepak antara Jabatan2 Kerajaan mulai dari hari Rabu 6 Mei hingga ka-hari Selasa 19 Mei ada-lah seperti di-bawah ini:

PASOKAN "A"			
Tarikh	Perlawanan	Pengadil	Penjaga Tepi
6 Mei	Jabatan Kerajaan Tutong melawan Jabatan Hal Ehwal Ugama	A. Hussin	Pentadbiran
7 Mei	Pentadbiran melawan Jabatan Perubatan	Sgt. M. Engleman	Jabatan Hal Ehwal Ugama
13 Mei	Jabatan Penyiaran dan Penerangan melawan Jabatan Hal Ehwal Ugama	Frankie Ho	Jabatan Perubatan
14 Mei	Jabatan Kerja Raya melawan Jabatan Pelajaran	P.H.M. Puteh	Jabatan Penyiaran dan Penerangan
PASOKAN "B"			
9 Mei	Telecos melawan Pulis	A. P. Karim	Jabatan Ukor
11 Mei	Jabatan Penyiaran dan Penerangan melawan Jabatan Pertanian	Ibrahim Yahya	Perubatan
12 Mei	Jabatan Kastam dan Laut melawan Jabatan Ukor	Inspektor Abu Zai	Telecos
16 Mei	Jabatan Pelajaran melawan Jabatan Penyiaran dan Penerangan	A. P. Karim	Pulis
18 Mei	Jabatan Perubatan melawan Telecos	A. Sharbini Taha	Jabatan Kastam dan Laut
19 Mei	Jabatan Kerja Raya melawan Jabatan Ukor	A. Zaidi Taha	Jabatan Pelajaran

Pertandingan tersebut di-adakan di-Padang Besar, Bandar Brunei dan di-mulai pada jam 5 petang.

Ahli2 Belia Bandar Brunei

* Ra'ikan Belia Dari Jepun



Persatuan Belia Bandar Brunei telah mera'ikan sa-orang pelawat dari Majlis Belia Saburi Yuai, Jepun, dalam satu jamuan teh di-Union Restaurant, Bandar Brunei. Beliau ia-lah Awang Nobuyuki Mataké yang telah mengadakan lawatan ka-negeri2 di-Timor jauh termasuk Malaya, Singapura, Sarawak, Sabah dan Brunei. Awang Nobuyuki Mataké (atas bertanda X) bergambar ramai bersama2 dengan ahli2 persatuan tersebut.

Kebudayaan Sa-pintas Lalu VII:

'ADAT ISTIADAT BERKAHWIN PUAK BELAIT ASLI

UNTOK memulakan tulisan saya dalam membentangkan berbagai2 'adat istiadat yang masch asli bagi kita di-Brunei ini, saya mulakan dengan 'adat istiadat kahwin bagi Puak Belait Asli, sa-chara ringkas.

Istiadat tersebut hanyalah bermula dari hari perkahwinan hingga sa-lepas tiga hari dari hari itu.

Pada hari istiadat kahwin itu pengantin lelaki bersama dengan para jemputan beramai2 pergi mendatangi ka-rumah pengantin perempuan.

Pengantin lelaki itu hendaklah membawa 'barian' atau mas kahwin yang terdiri dari sa-gantang beras, sa-biji 'pikin tajutin' (pinggan besar), beberapa helai kain-baju dan 'hihap' (sumpit-an).

Sa-telah sampai di-rumah pengantin perempuan, sa-orang laki2 dari pehak pengantin lelaki, biasa-nya, saudara yang hampir, pergi masuk ka-dalam bilek pengantin perempuan dengan membawa bersama-nya "pikin tajutin" itu.

Kemudian baharu-lah pengantin lelaki itu di-bawa masuk dan istiadat bersanding pun di-lakukan.

Sa-lepas itu kedua pengantin itu pun di-jemput bersama2 para jemputan menikmati hidangan "makan besar". Kedua pengantin itu di-dudokkan di-atas sa-biji 'tawak' (sa-jenis alat bunyi2-an) yang telah sedia di-tempatkan di-tengah2 rumah itu.

MAKANAN PENGANTIN

Akan makanan kedua pengantin itu pula ada-lah di-sediakan khas dalam sa-biji dulang. Makanan-nya terdiri dari hati2 binatang seperti hati kerbau atau lain-nya.

Jamuan demikian di-gelarkan 'kuman pahit', atau dalam pengertian kita ia-lah jamuan makan hati2 binatang. Maka makan-lah kedua pengantin itu bersama2 dengan kaum keluarga kedua-nya dan tetamu sekalian.

Selesai sahaja berhidang maka istiadat menyembeleh dua ekor ayam pun di-lakukan. Ayam2 itu di-sembeleh oleh dua orang tua (laki2) yang datang dari kedua pehak pengantin itu.

Ayam2 itu di-sembeleh di-atas belakang kedua pengantin itu, dengan iringan bacahan doa oleh salah sa-orang dari tukang sembeleh tadi.

Selesai-lah istiadat pada hari pertama.

Pada hari yang kedua-nya ia itu ka-esokan-nya pula ada di-adakan satu jamuan yang dinamakan 'tiba ahok' (bertukar nasi dalam sendok).

Jamuan demikian ada-lah terdiri dari nasi yang di-masak dari 'beras berujot' ia-itu beras yang

di-bawa oleh pengantin lelaki bersama2 dengan 'barian' tadi.

Berhidang bersama2 dengan ibu-bapa dan keluarga kedua pengantin. Pengantin lelaki menyudukan makanan kepada pengantin perempuan dan pengantin perempuan menyudukan ma-

Dalam keluaran2 yang lampau kita telah bersama2 dapai mengikuti sa-banyak sa-dikit tentang asal-usul dan faedah kebudayaan di-sisi bangsa, dan asal-usul orang2 Melayu dengan kebudayaan-nya yang tersendiri.

Dalam keluaran yang lalu kita telah dapat pula mengikuti tiga peringkat kebudayaan yang kita amalkan.

Kali ini mari-lah kita bersama2 mengikuti salah satu 'adat istiadat perkahwinan' menurut kepercayaan Puak Belait Asli.

di-suroh berkayoh menghala ka-arah matahari terbit.

Perjalan itu di-namakan 'pali', erti-nya menchari sa-suatu nasib

- ◆ daun sarimbangun, dan
- ◆ sulang tembaga yang berhiyer hendak-lah di-sekelokan.

Ayer dalam sulang itu-lah yang di-gunakan untok membasoh kaki2 kedua pengantin itu.

Istiadat membasoh kaki2 itu pula hanya-lah di-lakukan oleh sa-orang tua (perempuan) dan pehak pengantin lelaki. Perempuan ini menyiramkan ayer itu ka-hujung ibu jari sa-belah tangan kedua pengantin itu.

Sa-telah selesai, baharu-lah kedua pengantin itu di-bawah balek ka-rumah pengantin perempuan dan kedua-nya pun menjadi-lah suami isteri.

OLEH ZUL-KIFLE ABDULLAH

kanan itu kepada pengantin lelaki sa-balek-nya.

Pada hari ketiga, ia-itu sa-lepas tiga hari dari hari perkahwinan itu, di-adakan pula satu 'adat berjalan' ia-itu berkayoh bagi kedua pengantin itu.

Kedua pengantin lelaki dan perempuan itu di-suroh menaiki sa-buah sampan atau perahu dan

yang baik. Ini hanya-lah di-lakukan dengan sa-ketika saja.

Sa-sudah itu baharu-lah di-lakukan 'adat peru-ajim' ia-itu istiadat membasoh kaki.

Dalam menjalankan istiadat ini barang2 yang terkhas saperti:

- ◆ batu pengasah
- ◆ parang
- ◆ daun linjuang

PERADUAN BACHAAN AL-QURAN DAN SHARAHAN MURID2 UGAMA BELAIT

SERIA. — Satu peraduan membacah Kitab suci Al-Quran dan sharahan bagi murid2 lelaki dan perempuan di-skolah2 Ugama seluruh Daerah Belait telah di-langsungkan di-Maktab Anthony Abell di-sini pada 2 Mei lepas.

Peraduan saperti ini ada-lah julung2 kali di-adakan di-negeri ini, murid2 yang mengambil bahagian ia-lah dari peringkat umur 13 tahun ka-bawah.

Istiadat pembukaan rasmi peraduan2 tersebut telah di-buat oleh Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, Pegawai Daerah Belait.

Dalam ucapan pembukaannya, beliau telah menarek perhatian para ibu bapa ia-itu dalam mengerjakan surohan

Allah dalam keislaman dan keimanan, mereka harus-lah tahu bahawa Allah juga menghendaki umat Islam sentiasa berkerjasama dan tulung menolong antara satu dengan lain dengan tidak memilih warna kulit, bangsa dan Ugama.

Beliau berkata bahawa dengan ada-nya perasaan demikian dan perasaan ta'at menta'ati, hormat-menghormati antara satu dengan lain maka kita akan sentiasa berada dalam aman, ma'amor dan

bahagia.

Keputusan peraduan2 tersebut ada-lah saperti berikut :

Quran bahagian lelaki — pertama: Ya'akub bin Mohammad dari Sekolah Ugama Ahmad Tajuddin, Kuala Belait, dengan markah-nya 80½%; kedua: Kasim bin Daud dari Sekolah Ugama Mohammad 'Alam, Seria, dengan markah-nya 78%; dan ketiga: Maidin bin Lahid dari Sekolah Ugama Tumpuan Telisai, dengan markah-nya 70½%.

Quran bahagian perempuan — pertama: Khadijah binte CA. Mohammad dari Sekolah Ugama Mohammad 'Alam, Seria, dengan markah-nya 78%; kedua: Hussiah binte Hussain dari Sekolah Ugama Ahmad Tajuddin, Kuala Belait, dengan markah-nya 73%; dan ketiga: Rose binte Silwo dari Sekolah Ugama Labi, dengan markah-nya 71%.

Sharahan bahagian lelaki — pertama: Alik bin Awang Tengah dari Sekolah Ugama Mohammad 'Alam, Seria, dengan markah-nya 87½%; kedua: Junaidi bin Mohali dari Sekolah Ugama Ahmad Tajuddin, Kuala Belait, dengan markah-nya 78½%; dan ketiga: Mohd. Ali bin Mohd. Yusof dari Sekolah Ugama Anthony Abell, Seria, dengan markah-nya 72%.

Sharahan bahagian perempuan — pertama: Zaileha binte Mohammad dari Sekolah Ugama Mohammad 'Alam, Seria, dengan



Zaileha binte Haji Mohammad (atas) telah menyandang gelaran johan dalam peraduan sharahan dengan mendapat markah 88 peratus.

200 Murid2 Dewasa Ugama Seria Ra'ikan Hari Raya Korban

SERIA.—

LEBEH dari 200 orang termasuk sa-paroh daripada-nya kaum wanita, telah menghadhiri satu majlis sambutan Hari Raya Korban anjoran pelajar2 dewasa ugama lelaki dan perempuan bagi kawasan Seria.

Sambutan yang bertempat di-Dewan Masharakat (Community Hall), Lurong 5 itu telah di-adakan pada 23 April lepas.

Ini ada-lah kali kedua majlis sa-rupa itu telah di-adakan dalam tahun ini; majlis pertama ia-lah sambutan Hari Raya Puasa, juga di-dewan yang sama.

Menurut pengerusi majlis, sambutan kali ini boleh-lah di-katakan lebeh meriah dan chemerlang kerana para hadhirin bukan hanya terdiri dari kalangan orang2 Islam bahkan juga dari orang2 yang bukan Islam.

Majlis itu di-buka dengan ucapan alu2an oleh pengerusi majlis dan kemudian-nya di-ikuti oleh permainan gampus sambilan Awang Abdul Kadir Awang dengan rakan2-nya.

Permainan gampus dan tarian2 zapin termasuk satu tarian zapin khas sambilan dari salah sa-orang jemputan telah menambahkan meriah-nya sambutan tersebut.

UCHAPAN2

Ucapan2 dari wakil2 pelajar lelaki dan perempuan, dari pengerusi jawatankuasa tadbir Darjah Dewasa Ugama, Seria, dari pengerusi darjah2 dewasa Daerah Belait dan dari wakil Pengetua Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei telah di-sampaikan dalam majlis itu.

Timbalan Kadhi Besar, Awang Mohammad Zain bin Haji Serudin, yang mewakili Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, dalam ucapan-nya antara lain berkata:

"Menjadi sa-orang pelajar bagi ibu2 dan bapa2 memang bu-

boleh di-lakukan sambil lewa saja.

"Dalam pada itu pula, Rasul ul-Lah sendiri ada-lah menjadi sa-orang pelajar yang sentiasa menerima wahyu dan ajaran2 sejak umur-nya 40 tahun hingga kepada umur-nya 63 tahun, ia-itu waktu baginda wafat.

"Ibu2 yang berpelajaran sa-

kan satu tugas yang kecil dan bukan-nya juga satu kerja yang

TAMAT LATEHAN TANAM2AN

KILANAS.—Satu upacara menyampaikan sijil2 tamat latehan sa-lama dua bulan dalam hal ehwal bercucuk tanam dan ternakan binatang dan ikan telah di-langsungkan dalam satu istiadat rengkas di-Pusat Latehan Pertanian Kilanas pada 30 April lepas.

Yang Berhormat Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar, Pesuruh Jaya Buroh Negara telah menyampaikan sijil2 tersebut. Sa-belum menyampaikan sijil,

kepada mereka sendiri bahkan juga kepada orang2 kampung seluruh-nya.

Terdahulu dari itu Awang



Y.B. Pengiran Bahar menyampaikan sijil kepada Awang Emran bin Jani.

Pengiran Bahar telah mengucapkan tahniah dan ucap-nasehat kepada penuntut2 tersebut.

Beliau telah menasihatkan supaya segala ilmu pengetahuan dan pengalaman yang di-perolehi oleh penuntut2 itu tidak-lah akan sia2 dan sa-balek-nya akan mendatangkan faedah bukan saja

Abdul Hamid bin Ja'afar, sa-orang pegawai kanan dari Jabatan Pertanian telah juga memberikan ucapan-nya sabagai mewakili Pegawai Pertanian Negara.

Beliau telah menumpukan harapan beliau supaya penuntut2 itu akan terus mengembangkan pengetahuan2 mereka dan berbakti kepada negara.

Penuntut2 tersebut ia-lah Awang Chakap bin Buntar (dari Kampong Ukong, Tutong), Awang Mohd. Tahir bin Jumat (dari Kampong Limau Manis, Brunei), Awang Udin bin Timbang (dari Batu Apoi, Temburong), Awang Angin bin Suring (dari Kampong Belaban Baru, Temburong), Awang Mohammad Daud bin Ya'akub (dari Kampong Lamunin, Tutong), Awang Abd. Hamid bin Mohd. Salleh (dari Sungai Besar, Brunei), Awang Emran bin Jani (dari Sungai Liang, Belait), dan Awang Wahab bin Periau (dari Sungai Liang, Belait).

Dengan bilangan ini jumlah semua penuntut2 dari daerah2 di-Brunei yang telah lulus sejak latehan itu mula di-adakan dalam bulan Jun, 1962 di-Pusat Latehan itu ia-lah 58 orang.

Lapan orang lagi penuntut2 baharu di-jadualkan akan mulai menjalani latehan sa-rupa itu hari ini.

"Uban di-kepala bertabor
Mata sudah kabor
Pipi sudah kendor
Gigi mulai gugor
'Alamat menemui pintu kubor"
Jangan hiraukan semua-nya ini —

kala Timbalan Kadhi Besar,
Brunei.

ngat2-lah menguntongkan anak2-nya kerana ibu itu tahu akan faedah dan guna pelajaran di-sisi bangsa dan tanah ayer"

Kemudian beliau meneruskan ucapan-nya dengan menasihatkan ibu2 supaya memberikan peluang kepada anak2 mereka untuk meneruskan pelajaran satinggi2-nya yang boleh, kerana dengan pelajaran itu, dengan izin Allah, anak2 itu akan dapat hidup dalam erti kata yang tepat dan sempurna.

Beliau telah menyifatkan darjah2 dewasa yang ada sekarang ini ada-lah sa-bagai chandawan yang tuboh di-waktu hujan. Harapan beliau biar-lah darjah2 itu akan terus di-pelihara dan peluang keemasan itu akan di-
(Lihat Muka 8)

PERLOMBAAN BASIKAL

SERIA. — Joseph Chin dari Klab Belia Anglican, Bandar Brunei telah berjaya menchapai kemenangan dalam satu lomba basikal khas yang di-anjorkan oleh Klab Belia Seria, yang berlangsung di-Gelanggang Sokan sini pada 26 April lepas.

Dalam perlombaan sa-jauh 10 batu itu Joseph telah mengambil masa sa-lama 30 minit 35.6 sa'at.

Pemenang kedua ia-lah Apong bin Laman dari Jabatan Perubatan, Bandar Brunei, dan ketiga Abu Bakar bin Awang Edin juga dari Bandar Brunei.

Dalam lomba peringkat "A", Chin Sing Ming dari Klab Belia Anglican, Bandar Brunei telah mengalahkan 15 penonggang2 basikal lain-nya dalam lomba sa-jauh 5 batu. Chin telah mengambil masa sa-lama 16 minit 15 sa'at.

Pemenang yang kedua ia-lah Sonny Soon dari Seria dan ketiga B.K. Bujang dari Kuala Belait.

Dalam lomba khas bagi wanita, Shia Nyuk Choo dari Klab Belia Anglican, Bandar Brunei telah mengalahkan tujuh orang penonggang basikal wanita yang lain dalam lomba sa-jauh 3 batu, dengan mengambil masa sa-lama 5 minit 45 sa'at.

Pemenang yang kedua ia-lah Diana Wong, juga dari Klab Belia Anglican, Bandar Brunei dan ketiga Zaini Kadir dari Seria.

Hadih2 telah di-sampaikan oleh Penolong Pegawai Daerah Seria, Pengiran Syed Shahminan bin Pengiran Mashhor.

WAKTU2 SEMBAHYANG DAN AMSAK

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 6 Mei hingga ka-hari Selasa 19 Mei, 1964 ada-lah saperiti di-bawah ini:—

H.B.	Amsak	Suboh	Dzohor	Asar	Maghrib	Isba
6	4.41	4.56	12.23	3.38	6.31	7.43
7	4.41	4.56	12.23	3.38	6.31	7.43
8	4.41	4.56	12.23	3.38	6.31	7.43
9	4.40	4.55	12.23	3.38	6.31	7.43
10	4.40	4.55	12.23	3.38	6.31	7.43
11	4.40	4.55	12.23	3.38	6.31	7.43
12	4.40	4.55	12.23	3.38	6.31	7.43
13	4.40	4.55	12.23	3.38	6.31	7.43
14	4.40	4.55	12.23	3.38	6.31	7.43
15	4.40	4.55	12.23	3.38	6.32	7.44
16	4.40	4.55	12.23	3.38	6.32	7.44
17	4.40	4.55	12.23	3.38	6.32	7.44
18	4.39	4.54	12.23	3.38	6.32	7.44
19	4.39	4.54	12.23	3.38	6.32	7.44

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Seria dan Kuala Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

SEJARAH TRENGKAS MELAYU

(Sambongan)

(Oleh Abu Naim Mohd. Said)

Inche' Alias telah dapat menerbitkan kepingan2 system-nya ini dengan memberi penerangan2 dengan menggunakan tulisan jawi.

Sa-bagaimana system2 yang lain, system Alias ini juga ditulis dari kiri ka-kanan seperti aliran menulis tulisan rumi.

Beberapa nukilan system Trengkas Pitman, telah di-buat oleh peminat2 Trengkas Melayu dan beberapa kelas telah pernah diadakan di-Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura.

Dalam satu peperiksaan yang telah di-langsungkan di-Kuala Lumpur atas anjoran Trengkas Melayu Institute Malaya yang di-tubuhkan pada tahun 1952, hanya sa-orang penuntut sahaja yang lulus peringkat rendah daripada 6 orang penuntut2 yang menduduki peperiksaan pada tahun 1961 dan dalam tahun 1962, hanya 2 orang penuntut sahaja yang lulus dalam peringkat menengah daripada 10 orang calon.

PERADUAN TRENGKAS

Dalam bulan Disember, 1961 peminat2 Trengkas bahasa Melayu kaedah Pitman, telah menganjorkan satu peraduan Trengkas di-Perak. Nampak-nya kelas2 Trengkas kaedah Pitman, tidak begitu mendapat sambutan dari penuntut2-nya dan akhir-nya banyak kelas2 telah terpaksa di-tutup.

Dalam tahun 1959, sa-buah system Trengkas jawi telah dapat di-chipta oleh Inche' Zainal Abidin bin Haji Saffaruan.

Berita2 tentang chiptaan ini telah heboh di-siarkan dalam akhbar2 tempatan.

System ini di-tulis dari huruf2 jawi dengan sa-chara memendek2kan ejaan2.

Sa-buah kelas perchubaaan telah di-adakan di-Singapura untuk menguji kecekapan system ini, tapi sa-belum system ini dapat di-bukukan, kelas perchubaaan itu terpaksa di-tutup pada awal tahun 1960, kerana tidak mendapat sambutan.

Beberapa banyak penchipta2 Trengkas Melayu telah chuba menerbitkan system masing2, tetapi telah tidak berjaya untuk mempengaruhi penuntut2.

PENUKIL TRENGKAS

Sa-bagai mana yang telah di-terangkan di-atas tadi mengenai system Gregg, pembacha2 telah dapat mengatahui bahawa system ini telah di-terjemahkan ka-bahasa asing tidak kurang dari 16 bahasa dan antara-nya ia-lah bahasa Melayu yang jatuh kepada bilangan yang ke-10. Nukilan itu telah di-buat oleh Inche' Abd. Rahman bin Haji Hassan, sa-orang anak jati Melayu. Beliau telah di-lahirkan pada 8hb Disember 1915 di-Nombor 16, Jalan Pinang Singapura. Beliau telah mendapat kelulusan sekolah

Melayu pada tahun 1924 dan selepas itu beliau telah memasoki sekolah Inggeris dengan mendapat kelulusan Cambridge serta lulus dalam peperiksaan perdagangan dalam tahun 1933. Penukil mempunyai 10 beradek, 4 lelaki dan 6 perempuan. Beliau ia-lah anak yang ka-3 daripada saudara lelaki-nya empat. Beliau telah berkahwin pada tahun 1942, kira2 dua minggu sa-belum Singapura jatuh ka-tangan Jepun. Sejak berada di-bangku sekolah, beliau telah banyak mempelajari berbagai2 system Trengkas dan antara-nya ia-lah Pitman, Sloan Duployan dan Gregg, ia-itu dalam bahasa Inggeris. Beliau sangat2 chenderong untuk menterjemah salah satu system yang telah di-pelajari-nya itu ka-dalam bahasa Melayu.

Kechenderongan ini telah timbul sa-telah beliau menghadhiri sa-buah majlis sharahan mengenai ugama Islam di-sabua mesjid di-Singapura. Ka-esokan hari-nya sharahan2 itu telah di-muatkan ka-dalam sa-buah akhbar Melayu, tetapi malang-nya apabila beliau membacha kandungan-nya, sangat-lah berlainan dari apa yang telah di-chakapkan.

TERJEMAH TRENGKAS

Merenong sambil berfikir akan kejadian yang seperti itu, maka beliau pun mula berusaha untuk menterjemah Trengkas ka-Bahasa Melayu. Pada tahun 1933, ia-itu di-masa beliau maseh berada di-bangku sekolah Perdagangan lagi, beliau telah mula membuat nukilan Trengkas ka-Bahasa Melayu dengan memakai system Pitman. Sa-telah di-susun dengan semporna dan memberi penerangan2 dengan menggunakan tulisan jawi, maka beliau telah dapat mengadakan sa-buah kelas perchobaan. Kelas perchobaan itu, mempunyai 15 orang penuntut2 yang terdiri dari guru2 Melayu. Kelas beliau itu telah menerbitkan rasa puas hati dan memberi perangsang kepada beliau untuk berusaha lebeh giat lagi dalam lapangan Trengkas Bahasa Melayu. Malang-nya nukilan itu terpaksa di-simpan, kerana pada masa itu Trengkas Melayu, kurang mendapat sambutan di-sebab-kan Bahasa Melayu, belum lagi di-utamakan. Sa-buah buku nukilan system Pitman, yang di-tulis dengan tangan beliau sendiri maseh ada dalam simpanan beliau, hingga ka-hari ini.

Pada tahun 1939, Inche' Abd. Rahman sa-kali lagi mengkaji dan meneruskan nukilan2 Trengkas-nya ka-Bahasa Melayu. Kali ini beliau telah mempelajari dan menyelidiki dengan teliti berkenaan dengan system Gregg. Beliau sangat tertarek hati dengar system ini, terutama sa-kali bila

beliau mengetahui lunas2 atau prinsip menulis Trengkas Kaedah Gregg, seperti yang telah di-terangkan di-atas tadi. Gurisan2 Trengkas Gregg, ada-lah di-petek dari huruf2 rumi dan dengan sebab itu beliau memikirkan bahawa system ini sesuai untuk di-terjemahkan ka-Bahasa Melayu di-sebabkan Bahasa Melayu pun menggunakan tulisan rumi.

TRENGKAS MELAYU

Pada tahun 1950, ia-itu sama-masa beliau mengajar sa-buah kelas Bahasa Inggeris bahagian orang dewasa di-Singapura, beliau telah di-desak oleh sa-ramai 27 orang murid2 beliau untuk mengajar Trengkas Melayu. Desakan itu telah di-terima oleh beliau, dan pengajian telah di-mulakan pada tahun itu juga. Penuntut2-nya telah menubuhkan sa-buah sharikat Trengkas, tetapi tidak dapat memanjangkan usia-nya di-sebabkan kuasa Gregg di-London, tidak dapat membenarkan Inche' Abd. Rahman untuk menukil system Gregg ka-Bahasa Melayu. Walau mcham mana pun, pengajian Trengkas maseh juga di-teruskan de-

ngan jalan menghadhiri kelas2 dan juga dengan jalan pos. Sa-buah buku Trengkas yang di-chap sa-chara "duplicating process" atau dengan memakai stensil, telah dapat di-terbitkan oleh penuntut2-nya. Salinan untuk itu maseh ada lagi dalam simpanan penukil. Kemudian terbitlah pula fikiran beliau untuk membukukan Trengkas untuk itu dengan sa-chara di-chetak tetapi sa-belum perchetakan dapat di-teruskan, beliau terpaksa menghadapi beberapa kesulitan terutama sa-kali dalam soal kewangan dan juga soal perkakas2 menchetak, yang terkhas yang sayugia pejabat perchetakan tidak ada menggunakan-nya. Walau pun kerumitan2 ini merupakan satu perkara yang berat untuk beliau namun beliau tetap hadapi dengan hati yang tabah dan mempunyai keperchayaan penuh, bahawa Trengkas nukilan beliau itu nanti akan memberi hasil yang chukop penting terhadap bahasa dan persuratan Melayu. Dengan itu beliau tidak berlinggah lagi meminta keizinan daripada kuasa Gregg di-New York, untuk beliau menukil kaedah Gregg itu ka-Bahasa Melayu.

(Bersambong)

PERLAWANAN MAIN GASING

Temburong Kalahkan Limbang

PEKAN BANGAR.—Pasokan Daerah Temburong telah berjaya mengalahkan pasokan Daerah Limbang (Sarawak Malaysia) dalam satu perlawanan main gasing yang telah di-adakan di-Taman Kanak2 sini pada 23 April lepas.

Sa-ramai 10 orang bagi tiap2 pasokan telah bertemu dan sama2 mempertahankan kehaudalan dalam perlawan2 "bergurau" dan "berpalu" gasing.

Johan dalam perlawanan itu telah di-sandang oleh Tuah bin Bakar (Temburong) dalam perlawanan "bergurau". Putaran gasing-nya telah mengambil masa sa-lama 31 minit.

Naib Johan, juga dari Temburong, telah disandang oleh

Jaya bin Lamit apabila putaran gasing-nya mengambil masa sa-lama 28 minit; dan Latif bin Orang Kaya Muda (Temburong) telah mendapat tempat yang ketiga.

Dalam perlawanan "berpalu" pasokan Temburong telah mengalahkan pasokan Limbang dengan tiga pukolan berbalas dua.

Piala dan hadiah2 telah disampaikan oleh Resident Limbang, Awang M.M. McSporan.



Sa-orang peserta dari Temburong kelihatan sedang menchuba kekuatan putaran gasingnya sa-belum perlawanan di-mulakan.

Perlawanan Tinju Antara Wilayah Sabah Kalahkan Brunei

BANDAR BRUNEI. — Satu perlawanan tinju antara wilayah telah di-langsungkan di-Dewan Kemasyarakatan sini dengan Sabah pada 18 April lepas.

Beratus2 orang telah datang memenuhi sesak bangunan tersebut dan banyak lagi terpaksa pulang kerana tidak dapat tiket.

Perlawanan yang terbaik pada petang itu ialah antara Mohammad Tudin dari Brunei dengan Benny Quay dari Sabah dalam bahagian "feather weight."

Dengan hanya mata yang sedikit, Mohammad telah berjaya mencapai kemenangan, tetapi Benny, yang maseh muda itu telah menunjukkan penumbukan yang baik dan telah tewas pada akhir perlawanan itu.

Satu lagi perlawanan sa-akan2 sama baik-nya ialah antara Malai Mohammad dari Brunei dengan Alex Tak Kim Ann dari Sabah dalam bahagian "light welter weight".

Malai telah menunjukkan tum-bokan yang baik dan mendahului mendapat mata kemenangan dalam pusingan pertama dan kedua. Alex beransor2 dapat mengejar dan akhir-nya telah menewaskan Malai dalam pusingan2 ketiga dan terakhir.

Semua-nya 13 perlawanan telah di-tandingkan dalam temasha itu.

Dalam 11 perlawanan yang lain-nya perlawanan khas yang di-tunjokkan oleh ahli2 perkhidmatan Tentera British antara Koprul Frank Reid dari Brunei dengan Lance Koprul Barnes dari Sabah; dan antara Mohammad Yahya dengan Abdullah Zakiah kedua2-nya dari Brunei.

Lance Koprul Barnes telah menewaskan Koprul Reid dalam bahagian "welter weight", manakala Mohammad Yahya menewaskan Abdullah Zakiah dalam bahagian "fly weight."

Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Mohammad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, yang juga telah menjadi Yang Dipertua Persatuan Tinju Negeri Brunei, telah menyampaikan piala2 dan hadiah2.

Keputusan sa-penoh-nva: Bahagian "midge weight" — Terrance Boyd dari Brunei mengalahkan Delbagh Singh dari Sabah dengan hitungan mata.

Bahagian "mosquito weight" — Ladis dari Sabah mengalahkan Ronnie Gummar dari Brunei dengan hitungan mata.

Bahagian "fly weight" — Koh Tai Hong dari Sabah mengalahkan Jaya Othman dari Brunei.

Bahagian "bantam weight" — Nikman Mohammad Noor dari Brunei mengalahkan Maurice Chaine dari Sabah dengan hitungan mata.

Bahagian "feather weight" —

Mohammad Tudin dari Brunei mengalahkan Benny Quay dari Sabah dengan hitungan mata, dan Ismail Salleh dari Sabah

Dalam perlawanan khas Mohammad Yahya dari Brunei mengalahkan Abdullah Zakiah dari Seria (Brunei) dengan pukolan t.k.o. dalam bahagian "fly weight", dan Lance Koprul Barnes dari Sabah mengalahkan Koprul Reid dari Brunei dengan hitungan mata dalam bahagian "welter weight."



Atas: Mohammad Tudin telah menerima ucapan tahniah dari Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusuf sa-belum upacara menyempatkan hadiah di-langsungkan. Mohammad yang telah mengalahkan Benny Quay dari Sabah, telah mendapat gelaran penain tinju yang terbaik pada petang itu.

Kanan: Koprul Frank dari perkhidmatan tentera British di-Brunei (kanan) dan Lance Koprul Barnes dari Perkhidmatan Tentera British, di-Sabah dalam perlawanan khas tinju. Lance Koprul Barnes telah mengalahkan Koprul Frank.

mengalahkan Abit Ambun dari Brunei dengan hitungan mata.

Bahagian "light welter weight" — Alex Tan Kim Ann dari Sabah mengalahkan Malai Mohammad dari Brunei dengan pukolan t.k.o., Welter Boyd dari Brunei mengalahkan Michael Ah Chai dari Sabah dengan pukolan t.k.o., dan Eng Kian dari Sabah mengalahkan Arthuro Azcona Junior dari Brunei dengan hitungan mata.

Bahagian "light weight" — Alfred Lim dari Sabah mengalahkan Momin Idris dari Brunei dengan pukolan t.k.o.

Bahagian "welter weight" — Awangku Kamaluddin dari Brunei mengalahkan Jimmy Tan dari Sabah dengan pukolan t.k.o.



SOKAN MAKTAB PERGURUAN

BERAKAS. — Maktab Perguruan Melayu Brunei akan mengadakan Pertandingan Sokan Tahunan-nya bertempat di-padang maktab itu pada hari Ahad 10 Mei mulai pada jam 1.30 petang.

Di-antara perlawanan2 yang akan di-langsungkan di-temasha sokan tersebut ialah perlawanan terek tali, lumba2 lari; lompat2 tinggi, jauh dan bergalah; membaling2 peluru, lembing dan piring besi serta lain2 perlawanan.

Sokan Sekolah2

(Dari Muka 3).

dalam semua perlawanan akan bertanding mewakili longgok masing2 dalam sokan peringkat negeri yang akan di-langsungkan pada hari Sabtu, 9 Mei akan datang.

Keputusan lengkap bagi sekolah2 dalam bahagian Brunei I adalah seperti berikut:

Bahagian laki2 A :

Sekolah Melayu SMJA — 88 mata, dan Sekolah Melayu Laila Menchanaj (SMLM) — 8 mata.

Bahagian laki2 B :

Sekolah Melayu SMJA — 44 mata, SMLM — 26 mata, Sekolah Melayu Sungai Kebun — 1 mata, Sekolah Melayu Pinta Malim — 10 mata.

Bahagian laki2 C :

Sekolah Melayu SMJA — 31 mata, SMLM — 23 mata, Sekolah Melayu Sungai Kebun — 2 mata, dan Sekolah Melayu Pintu Malim — 10 mata.

Bahagian laki2 D :

Sekolah Melayu SMJA — 18 mata, SMLM — 8 mata, Sekolah Melayu Sungai Kebun 1 mata, dan Sekolah Melayu Pintu Malim — 9 mata.

Bahagian perempuan A :

Sekolah Melayu SMJA — 57 mata, Sekolah Melayu RIF 17 mata, Sekolah Melayu Sungai Kebun — 2 mata, dan Sekolah Melayu Pintu Malim — kosong.

Bahagian perempuan B :

Sekolah Melayu SMJA — 12 mata, Sekolah Melayu RIF — 12 mata, Sekolah Melayu Sungai Kebun — 4 mata, dan Sekolah Melayu Pintu Malim — 2 mata.

Menjalani Latehan "Wood-Badge"

BERAKAS. — Dua orang pegawai pengakap dari Seria telah berlepas dengan kapal terbang ka-Singapura dalam perjalanan mereka ka-Batu Pahat, Johore, untuk menjalani kursus sa-lama dua minggu "Wood badge" minggu lepas.

Mereka ialah Awang Sulaiman bin Haji Awang Damit,

Penolong Pesuruh Jaya Pengakap, Daerah Belait dan Awang Damit bin Chuchu, Guru Pengakap Kanan I bahagian Kuala Belait.

Empat orang lagi pengakap yang juga akan menjalani kursus demikian di-tempat itu telah berlepas terlebih dahulu dengan kapal laut.

Perjumpaan Guru2 Besar Sekolah2 Melayu Seluruh Negeri

GUNAKAN "COMMON-SENSE" — KATA PENGIRAN JAYA

KUALA BELAIT dan PEKAN MUARA — Dua kumpulan perjumpaan guru2 sekolah2 Melayu di-negeri ini telah di-adakan berasingan — bagi daerah2 Tutong dan Belait di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait pada 14 April dan bagi daerah2 Brunei/Muara dan Temburong di-Sekolah Melayu Sultan Umar Ali Saifuddin Muara pada 29 April lepas.

Kedua2 perjumpaan itu telah di-buka dengan rasmi-nya oleh Pegawai Pelajaran Negara, Yang Berhormat Awang M. MacInnes.

Dalam ucapan-nya Awang MacInnes telah menumpukan harapan beliau sa-muga perjumpaan itu akan memberi keuntongan, dalam mana nanti para guru2 akan berpeluang mengikuti berbagai2 sharahan dan perbincangan sa-mata2 akan meluas dan meninggikan lagi darjah pendidekan di-sekolah2.

Pengerusi perjumpaan, Awang Shahbuddin bin Mohd. Salleh dalam menerangkan tujuan perjumpaan itu berkata, kemajuan sa-sabuaah negara itu ada-lah terletak di-atas bahu guru2 terutama dalam lapangan pelajaran.

Antara pensharah2 yang mengambil bahagian termasuk-lah Penasehat Maktab Perguruan Melayu Brunei, Awang A. D. Bumford.

Awang Bumford berkata bahawa maktab perguruan baharu

yang lengkap dengan alat2 pengajaran dan mempunyai tiga jenis kerusuk yang di-jalankan sa-renak sangat-lah mustahak bagi negeri ini.

Kerusuk pertama, kata beliau ia-lah seperti yang ada di-Maktab Perguruan Berakas. Yang kedua akan mengandongi penuntut2 yang telah lulus persekolahan rendah; dan yang ketiga akan memberi lathen kepada penuntut2 yang lulus sijil sa-berang laut untuk membolehkan mereka mengajar di-sekolah2 menengah.

Pengelola Pelajaran Melayu Brunei, Awang Nordin bin Abdul Latif dalam sharahan-nya telah menggesa guru2 di-sekolah2 Melayu supaya mendampingi diri mereka kepada ketua2 dan anak2 kampung, dan dengan pegawai2 Kerajaan supaya merengankan bebanan yang mereka pikul sa-bagai pendidek itu.

Perjumpaan guru2 tersebut berlangsung sa-lama dua hari.

BANDAR BRUNEI. — Timbalan Pesuruh Jaya Pulis Brunei, Pengiran Dato Pahlawan Jaya bin Pengiran Haji Rajid berkata bahawa sebab2 berlaku-nya kemalangan jalan-nya ia-lah dari ke-cuaian, kelalaian, melanggar atoran dan tidak ada "common-sense" di-kalangan pengguna2 jalan raya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis perjumpaan guru2 besar sekolah2 Melayu bahagian bandar dan luar bandar Brunei/Muara dan Daerah Temburong yang telah di-adakan di-Sekolah Melayu Sultan Umar Ali Saifuddin, Muara pada 30 April lepas.

Beliau perchaya kemalangan jalan raya boleh di-elakkan jika pengguna2 jalan raya berusaha-untok mengelakkan diri mereka dari puncha2 kemalangan tersebut.

Beliau menyeru orang ramai supaya bekerja sama dengan pehak pulis dan mengikut peratoran2 lalu-lintas yang di-tentukan.

Kapada murid2 sekolah beliau telah mengeluarkan satu naskhah siaran pimpinan untok mereka apabila menggunakan jalan2 raya supaya mengelakkan diri mereka dari berlaku-nya sebarang kemalangan.

Dalam naskhah itu ada enam perkara mustahak bagi keselamatan pengguna2 jalan raya yang

tidak menggunakan sa-barang keinderaan.

Bagi pengguna2 jalan raya yang menggunakan basikal siaran itu juga menchatetkan sa-belas perkara mustahak untok menjaga keselamatan mereka.

Beliau menasehatkan murid2 sekolah supaya pimpinan2 penggunaan jalan raya itu sentiasa di-amalkan dan beliau perchaya dengan itu nanti akan dapat-lah mengurangkan kemalangan2 yang harus terjadi di-jalan2 raya.

RA'IKAN HARI RAYA

(Dari Muka 5)

ambil oleh para ibu-bapa seluruh-nya.

Beraleh k a p a d a tingkatan umur orang2 yang boleh lagi belajar beliau telah mencheritakan kesah sa-orang tua yang telah datang menemui Rasul ul-Lah:

"Tuan2 dan puan2 sudah tentu merasakan diri tuan2 semua kembali muda kerana telah berpeluang dudok di-bangku sekolah. Ini ada-lah satu keuntongan.

"Pada suatu hari sa-orang tua telah datang kapada Rasul ul-Lah dan bertanya: wahai Rasul ul-Lah, apa-kah saya ini ada peluang untok masuk shorga? Rasul ul-Lah menjawab: di-dalam shorga semua-nya muda2.

"Mendengar akan jawapan demikian, orang tua itu pun menangis. Rasul ul-Lah pun menghampiri orang tua itu dan berkata: jangan salah faham. Orang2 tua yang di-masokkan ka-dalam shorga itu akan berubah kembali menjadi muda.

Kemudian beliau telah mengatakakan rasa kegembiraan-nya melihatkan semangat para ibu bapa yang menyedari untok mahukan pelajaran.

"Saya sangat gembira melihatkan semangat tuan2 mahukan pelajaran . . . kita maseh belum terlambat. Pengayah maseh di-tangan, perahu sedia di-ayer . . . berkayoh-lah. Belajar anak, belajar bapa dan ibu, semua-nya belajar, dan akhir-nya kita akan menemui fajar.

"Jangan-lah di-hiraukan soal umur . . . jangan-lah di-hiraukan uban di-kapala sudah bertabor, mata sudah kabor, pipi sudah kendor, gigi mulai gugor, dan alamat menemui pintu kubor.

"Itu semua hendak-lah di-jadikan peransang untok tuan2 dan puan2 semua rajin2 belajar," tegas beliau.

ISTIADAT KEBUMIKAN PEGAWAI PULIS

BANDAR BRUNEI — Istiadat mengkebumikan jenazah Inspector kanan Ahmad bin Hashim yang telah meninggal dunia di-London pada 14 April dahulu telah di-langsungkan di-perkuboran Jalan Subok, di-sini pada 22 April lepas.

Allah-Yar-ham Inspector Ahmad telah meninggal di-sabuaah rumah sakit di-London sa-lepas sakit tenat dan tidak sedarkan diri dua hari sa-lepas ketibaannya di-London.

Beliau telah bertolak dari Brunei untok menjalani satu kursus di-pusat Lathen Pulis Hendon, pada 8 April.

Jenazah beliau telah di-terbangkan dari London ka-Singapura dari mana sa-buah kapal terbang angkatan udara Diraja British telah menerbangkan-nya ka-Labuan.

Satu pasokan pulis yang diketuai oleh mata2 Ahmad bin Tarif telah pergi ka-Labuan bersama2 dengan sa-orang Imam untok mengambil jenazah itu ka-Brunei.

Allah-Yar-ham Inspector Ahmad, 38 tahun, telah mulai berkhidmat dengan kerajaan dalam pasokan pulis 10 tahun dahulu. Beliau telah meninggalkan sarang batu dan empat orang anak.



Ular sawa yang besar ini telah di-tangkap di-Kampung Kuala Balai, Belait oleh Awang Ura bin Taha (yang memegang ular itu) baharu2 ini. Ular ini panjang-nya 20 kaki dan berat-nya kira2 60 kati.— Gambar dengan ikhsan The Borneo Bulletin.

PERADUAN BACHAAN QURAN SEKOLAH2 UGAMA BELAIT

(Dari Muka 4)

markah-nya 88%; kedua: Aminah binte Gemok dari Sekolah Ugama Ahmad Tajuddin, Kuala Belait, dengan markah-nya 82%; dan ketiga: Dk. Aisah binte Pg. Metarshad dari Sekolah Ugama Anthony Abell, Seria, dengan markah-nya 73%.

Sekolah Ugama Mohammad 'Alam, Seria, telah menyandang gelaran sekolah yang terbaik sekali di-Daerah Belait dalam ke-

dua2 peraduan bacaan kitab suchi Al-Quran dan sharahan bagi tahun ini.

Hadihah2 telah di-sampaikan oleh Dayang Masni binte Mohd. Yusof, isteri Pegawai Daerah Belait.

Pemenang2 pertama bagi tiap2 bahagian dan peraduan akan mewakili Daerah Belait dalam peraduan peringkat negeri bagi sekolah2 Ugama seluruh Brunei yang akan di-langsungkan dalam bulan depan.